

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI HASANUDDIN  
BIN MOHD YUNUS [ HULU LANGAT ]**

**TARIKH : 25 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS [ HULU LANGAT ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendirian terkini Malaysia terhadap krisis kemanusiaan serta penindasan di Jammu dan Kashmir yang semakin merosot sejak wabak COVID-19 melanda.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Hulu Langat atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sebelum saya menyatakan pendirian Malaysia terhadap isu Jammu dan Kashmir, saya ingin menekankan bahawa Malaysia mempunyai hubungan dan kerjasama dua hala yang baik dan strategik dengan India dan Pakistan. Hubungan kita dengan kedua-dua negara tersebut mendatangkan banyak manfaat bersama.

3. Pada dasarnya, Malaysia menyokong inisiatif untuk mencari jalan penyelesaian secara aman, menyeluruh dan saksama terhadap isu Jammu dan Kashmir. Malaysia prihatin terhadap kepentingan dan hak

asasi serta isu-isu kemanusiaan penduduk Jammu dan Kashmir. Malaysia telah mengambil pendirian bahawa penyelesaian isu tersebut perlu dicapai melalui proses dialog dan rundingan antara India dan Pakistan sebagaimana yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan masyarakat antarabangsa. Isu tersebut perlu diselesaikan secara damai antara India dan Pakistan bagi memastikan keamanan dan kestabilan serantau terpelihara.

4. Kerajaan Malaysia sentiasa peka mengenai isu kemanusiaan di Jammu dan Kashmir. Kerajaan Malaysia berharap supaya pihak-pihak berkepentingan dalam isu tersebut akur dengan resolusi-resolusi PBB khususnya demi menjaga kebajikan serta hak asasi penduduk Jammu dan Kashmir terpelihara.

5. Berdasarkan pendirian Malaysia yang telah saya nyatakan, Kerajaan akan terus menggalakkan kedua-dua rakan Malaysia iaitu India dan Pakistan ke arah penyelesaian damai untuk Jammu dan Kashmir. Di samping itu, perkara yang kita ingin beri keutamaan ialah kepentingan rakyat di wilayah-wilayah berkenaan. Malaysia akan terus mengetengahkan pendirian dan pandangan berhubung isu tersebut di forum-forum antarabangsa seperti Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

Sekian, terima kasih.